

17/08/2003

Membaharui perkenalan di Algeria, mengenali Syria

Dari Damsyik:

SESUNGGUHNYA manusia kini tinggal dalam kampung global. Apa tidaknya, kesedihan dan tragedi 11 September dan penaklukan Iraq dapat dilihat serta merta menerusi kaca televisyen seperti apa yang sebenar berlaku kecuali ada segmen berita kerana terlampau ngeri atau keselamatan dan propaganda disensorkan.

Komunikasi dan maklumat kian cepat berubah. Mereka yang tidak peka atau sengaja tidak mahu insaf akan tertinggal kereta api. Masa saya budak-budak, saya mengambil masa lebih satu jam dari Kok Lanas ke Kota Bharu (hanya 25 kilometer) dan waktu itu jumlah kenderaan sama banyak anda melihat orang naik basikal atau kereta lembu sekarang.

Kok Lanas ke Kota Bharu, walaupun jalannya sempit (tidak ada highway di Pantai Timur) dan trafiknya agak sesak (heavy), masa perjalanan kalau pun memandu laju (yakni mengikut undang-undang) hanya setengah jam sahaja.

Pada peringkat antarabangsa pula, makan lewat malam (supper) di rumah (Kuala Lumpur), sarapan pagi di London dan makan tengah hari di New York pada hari yang sama! Saya breakfast di London, lunch di Algiers. Lewat petang hari Khamis, saya terbang dari Algiers dan tiba di Damsyik selepas Isyak. Bayangkan penjimatan waktu dan keselamatan yang lebih terjamin jika anda terbang dengan jet peribadi (private jet).

Kita maju, lebih moden dan makmur dari majoriti negara (termasuk Algeria dan Syria) tetapi kita masih terkebelakang kalau dibandingkan dengan Jepun, Switzerland, Amerika Syarikat, Perancis, Jerman dan beberapa negara Barat lain.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di Damsyik pagi ini dari Swaziland (di Afrika Selatan), justeru saya akan menghadkan tulisan ini kepada Algeria kecuali sedikit mukadimah tentang Syria.

Pintu ke Afrika Utara

ALGERIA (penduduknya 31 juta, 99 peratus Islam Sunni atau dari Sunnah Wal Jamaah majoriti terdiri daripada keturunan Arab dan Berber) tidak terkenal seperti Iraq, Mesir dan Makkah serta Madinah di kalangan orang kita. Mereka seangkatan saya atau lebih tua tentu masih ingat revolusi (dapat bantuan Kerajaan dan Umno) kemerdekaan Algeria melawan penjajahan Perancis bermula tahun 1954 dan berjaya mendapat kemerdekaan pada tahun 1962. Saya harap selepas lawatan rasmi Dr Mahathir, Algeria lebih dikenali sebab peluang perusahan, perniagaan, penswastan, pelancongan dan berbagai-bagai peluang ekonomi (economic opportunities) wujud yang boleh diterokai oleh orang kita bersama pemodal dan pengusaha tempatan.

Algeria mengalu-alukan kehadiran pemodal-pemodal kita. Petronas ada pejabatnya di Algeria, dan mengikut sumber yang kukuh, Petronas mahu kehadirannya lebih nyata dan kukuh lagi, seperti di Kemboja, Myanmar, Vietnam dan tempat-tempat lain. Saya kira modal kita selamat di Algeria. Ramai pemodal asing masih tertunggu-tunggu. Melihat ramai orang asing di lobi dan di kelab hotel, saya fikir keadaan sedang berubah cepat. Siapa cepat dia dapat. Orang yang bangun awal murah rezeki.

Satu faedah terbesar melabur di Algeria ialah negara itu dekat dengan Eropah selain dari pintu masuk ke Afrika Utara (Maghribi, Tunisia, Mauritania dan Mesir). Algiers hanya satu jam 45 minit dari Geneva dan lebih dekat ke Rom. Lagipun buruh dan pekerja ramai terpelajar: berbahasa Perancis dan Arab. Yang mengetahui Inggeris sedikit tetapi kian bertambah kerana mereka sedar Bahasa Inggeris besar nilai ekonominya dan potensi

pekerjaan tinggi.

Algeria juga seperti kita sebuah negara Islam yang progresif, mempunyai dasar yang sama di bidang politik dan diplomasi. Kedua-dua bangsa menghormati antara satu sesama lain. Algeria dan Malaysia harus segera berusaha memanfaatkan situasi terbaik yang wujud.

Algeria yang dilanda keganasan bermula tahun 1992 kerana pemerintah membatalkan pilihan raya umum yang dijangka dimenangi oleh Parti Islam (FIS) kini agak aman semenjak Presiden Abdelaziz Bouteflika mengampunkan pengganas. Parti yang membawa kemerdekaan FLN (National Liberation Front) pada pilihan raya umum itu hanya mendapat 15 daripada 231 kerusi.

Rakyat Algeria bosan dengan keganasan, kata orang sebenarnya civil war - perang saudara. Bagi saya - melihat secara kasar - keadaan wujud kerana pergeseran politik antara puak Islam ekstremis (pelampau) dengan pihak yang moden dan progresif, antara kaum tua dan muda - istilah politik dan sosial pada zaman 30-an dan 40-an. Setakat ini, nampaknya keamanan terjamin walaupun ada usaha-usaha dari beberapa faksi mahu merosakkan ketenteraman ini.

"Bahasa Arab dan Perancis yang broken"

SAYA senang di Algiers, tidak banyak masalah kalau sabar sedikit. Perkhidmatan walaupun di Hotel Sheraton Club Des Pins (5 bintang) dan saya menginap di tingkat VVIP, tidak sebaik yang saya biasa nikmati di London, Paris, Bangkok, Hong Kong dan kota raya lain, kerana industri pelancongan baru mula berkembang kembali. Di Damsyik, saya juga di lantai VVIP. Hotel Le Meridien, lebih meriah, sibuk dan mewah.

Pada hal satu masa tidak lama dahulu, Algeria adalah satu destinasi yang terpopuler di Afrika Utara. Kedudukan Algeria sekarang diambil alih oleh Maghribi.

Apa pun pekerja keseluruhannya baik. Seperti di manapun ada "apple buruk", yakni ada bubuk dalam beras. Walaupun penguasaan Bahasa Inggeris di Algiers terhad, saya dapati bahasa Arab dan Perancis saya yang broken itu (tiada nahu, grammar yang kelam kabut) satu advantage, membantu saya. Pemandu saya Rashid berbahasa Perancis (bahasa pertama, kedua Arab sungguhpun dia keturunan Arab) faham sedikit Bahasa Inggeris. Antara Bahasa Inggerisnya, bahasa Arab dan Perancis saya, saya ke mana pun tiada masalah. Ada sekali-sekala kerana sebutan salah, kami dapati dalam situasi yang lucu!

Apa pun guna akal dan common sense. Saya tahu common sense bukan common.

Tenteram bertawaduk solat Jumaat di Masjid Umayyad

WALAU PUN Syria telah wujud lebih 11,000 tahun dan melalui pelbagai tamadun - dari Phoenicians hingga ke Islam, British, Perancis dan kini - ia tidak jenama dalam dunia tourism pada hal Syria mempunyai warisan yang kaya dan World Class. Baru satu hari di Damsyik pun saya sedar Damsyik mempunyai warisan sejarah dan seni bina bentuk (architecture) Islam yang "mesti dilihat" jika anda berpeluang melancong ke sini: antaranya Masjid Umayyad (siap tahun 715 Masehi).

Saya amat gembira dapat menunaikan solat Jumaat di Masjid bersejarah ini. Terasa benar-benar suci saya hari itu; aman, bahagia dan telus seperti apa kala saya beribadat di Masjidil Haram di Makkah dan Masjid Nabawi di Madinah. Selepas solat, saya ke makam Saidina Hussein bin Ali, yang juga di dalam masjid itu (seperti makam Nabi di Masjid Nabawi, Madinah), menantu Rasulullah yang dibunuh oleh Umayyad di Karbala, Iraq (680 Masehi). Ramai wanita solat di sebelah kiri jemaah lelaki tanpa ada dinding atau tabir. Semua tahu tempat masing-masing, teratur dan tertib. Sebelum saya tutup mata terakhir, niat saya ialah mahu solat di Masjid Al-Aqsa di Baitulmaqdis.

Syria merdeka dari Perancis (1945) dan semenjak tahun 1970, Syria diperintah oleh bapa dan anak: Amin Hafez al-Assad dan apabila dia kembali

ke rahmatullah (pada 10 Jun 2000), anaknya yang berpendidikan di Britain, Dr Bashar mengambil alih secara aman dan mengikut proses yang dituntut perlembagaan.

Keluarga Assad contoh terbaik untuk dipelajari dalam politik (tidak Saddam Hussein), bagaimana Assad dapat memerintah begitu lama dan dapat pula warisannya diambil alih oleh anaknya Dr Bashar tanpa revolusi berdarah atau pun kekacauan. Lebih teristimewa dan menakjubkan Assad dari kabilah yang kecil (12 peratus daripada penduduk) dan tidak Islam perdana. Assad dari suku Alawites, pecahan dari Syiah dan tuntutan agama tidak membebankan.

Syria mengamalkan politik yang praktikal. Dulu rapat dengan Soviet Union. Apabila Soviet Union hancur, Syria beransur berbaik-baik dengan Barat tanpa pula menggadaikan prinsip nasionalnya. Apa pun, Syria makin terkenal apalagi selepas penaklukan Iraq oleh Amerika dan sekutunya Britain; sekarang mencari jalan untuk berdamai dengan Israel (mesti serah balik Golan Heights yang ditawan Israel). Apa lagi, jelas Dr Bashar sedang berusaha untuk mententeramkan situasi sosial, politik dan ekonomi Syria kerana itu imej Syria kian meningkat di Barat.

Saya tidak terkejut jika tidak lama lagi Syria akan menjadi destinasi menarik. Sekarang pun, anda pernahkah dengar keganasan, penculikan dan huru-hara yang lazim kita lihat di wilayah lain di Timur Tengah berlaku di Syria?

Kali pertama saya ke Damsyik, saya jauh daripada kecewa kecuali jika imaginasi saya Damsyik adalah Dubai atau Beirut. Insya-Allah, saya akan kembali menikmati keindahannya, batu intan Arab.